



**TEKNIK MENULIS  
RESUME  
KSSM**

**DISEDIAKAN OLEH  
PUAN SHARINA ADENAN  
MRSM TAIPING**

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 Apa itu resume?

Resume ialah ringkasan, ataupun keterangan ringkas tentang maklumat diri, pendidikan, pengalaman kerjaya dan sebagainya tentang diri seseorang. Biasanya resume ini digunakan semasa memohon sesuatu pekerjaan.

### 1.2 Apa itu karangan resume?

Karangan jenis resume ini merupakan karangan berformat yang diperkenalkan dalam format baharu KSSM.

- Soalan ini terkandung dalam **karangan berformat - Bahagian A**.
- Karangan ini umumnya berkaitan **permohonan pelajar** untuk :
  - mendapatkan peluang pekerjaan
  - menyertai program pendidikan di peringkat antarabangsa
- **Dua atau tiga bahan** yang berkaitan dengan iklan jawatan kosong / program pendidikan akan diberikan dalam soalan.
- Pelajar hanya perlu memilih **satu iklan** sahaja daripada bahan yang diberi.

Pastikan pelajar mengenal pasti keperluan jawatan/ program yang ingin dipohon. Dengan ini, pelajar hanya perlu memasukkan maklumat penting dan bersesuaian untuk jawatan/ program yang hendak dipohon sahaja (iaitu berdasarkan kehendak soalan/pilihan)

### 1.3 Apa yang perlu pelajar lakukan semasa menjawab soalan ini?

- **Baca** arahan soalan dengan teliti
- **Analisis** keperluan bahan yang diberi
- **Senaraikan** isi penting mengikut kandungan resume
- **Tulis** resume dengan selengkapnya  
(*idea mesti ditulis dengan menggunakan ayat yang lengkap*)
- **Semak** jawapan sebelum dihantar

## 2.0 FORMAT PENULISAN RESUME

### 2.1 Resume Permohonan Iklan Jawatan Kosong

<b>KANDUNGAN RESUME</b>	
<b>1. TAJUK (PERMOHONAN JAWATAN YANG DIPOHON)</b>	
<b>2. MAKLUMAT PERIBADI ( NAMA PEMOHON )</b>	
<b>3. KELULUSAN PEMOHON</b>	
<b>4. ANUGERAH (YANG DIPEROLEH SEMASA DI PERINGKAT SEKOLAH)</b>	
<b>5. KEMAHIRAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>TEKNOLOGI MAKLUMAT</b></li><li>• <b>BAHASA</b></li><li>• <b>TAMBAHAN</b></li></ul>	
<b>6. POTENSI DIRI PEMOHON</b>	
<b>7. ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI TERMASUK NOMBOR TELEFON DAN ALAMAT E-MEL</b>	
<b>8. INDIVIDU RUJUKAN (YANG MENGENALI DIRI PEMOHON)</b>	

## Soalan 1 : Karangan bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit sahaja]

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong.*

*Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda minati.*

*Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**SPM**  
**JAWATAN KOSONG**  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA**  
**1. PEMBANTU AM PEJABAT**  
**(50 KEKOSONGAN)**  
**TARIKH TUTUP 11 APRIL 2017**  
**INFO JAWATAN SELANJUTNYA SILA LAYARI :**  
<http://myjobelist.blogspot.com>

**JAWATAN KOSONG!**  
**GURU PRASEKOLAH/ GURU TADIKA /**  
**PEMBANTU GURU / GURU KAJA**

**CARA MOHON**

1. TEKAN PAUTAN DI BAWAH
2. TEKAN BUTANG MOHON
3. LOG MASUK MELALUI FACEBOOK
4. ISI BORANG PERMOHONAN
5. TUNGGU PANGGILAN TEMUDUGA

**GURU PRASEKOLAH**

- KELAYAKAN : SPM /DIPLOMA
- GAJI : RM 1,000 – RM 2,500

**PEMBANTU GURU TADIKA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,000 – RM 1,500

**GURU TADIKA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,200 – RM 2,000

**GURU KAJA**

- KELAYAKAN : SPM
- GAJI : RM 1,200 – RM 2,000

LAYARI LAMAN WEB RASMI : [WWW.KERJAYAHARIAN.COM](http://WWW.KERJAYAHARIAN.COM)

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Kami mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan/profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**SPM/SKM**  
**(KUMPULAN PELAKSANA)**

» Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19  
**(Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia)**  
 - 104 kekosongan

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada 04 November (Ahad) pukul 11.59 malam.

**MOHONLAH SECARA DALAM TALIAN DI PORTAL SPA :**  
<http://www.spa.gov.my>

Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui  
<http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/spm-sijil/3231>

## Permohonan Sebagai Guru Prasekolah

**Nama** : Nadia Hanim Binti Mustafa

### **Kelulusan**

Diploma Pendidikan Awal kanak-Kanak dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

### **Anugerah**

Saya pernah mendapat Anugerah Pelajar Cemerlang semasa belajar di Sekolah Menengah Air Putih di Ipoh. Selain itu, saya turut mendapat Anugerah Pelajar Terbaik bagi mata pelajaran bahasa Melayu dan Matematik ketika di Tingkatan Lima. Semasa di univerviti, saya telah berjaya memperoleh purata nilai gred tertinggi dan mendapat Anugerah Dekan bagi empat semester berturut-turut.

### **Kemahiran Teknologi Maklumat**

Saya mempunyai kemahiran menggunakan perisian Microsoft Office seperti Word, Excell dan Power Point dengan baik. Saya juga sangat mahir dalam penggunaan Canva dan Apps yang ada dalam Ipad seperti Keynotes, Popplet, Pages serta iMovie.

### **Kemahiran Bahasa**

Saya boleh bertutur dengan baik dan lancar dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain itu, saya turut mempelajari dan fasih bertutur dalam bahasa Mandarin.

### **Kemahiran Tambahan**

Saya boleh menari tarian tradisional Melayu seperti Zapin dan Inang. Saya juga berkebolehan dalam bermain alat muzik seperti gitar dan piano. Dengan kemahiran ini, sudah pasti saya dapat manfaatnya untuk mengajar kanak-kanak tentang tarian dan alat muzik tersebut.

### **Potensi Diri**

Saya mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan kualiti kerja yang terbaik. Malahan saya mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan terutamanya dalam menjalin hubungan yang mesra dengan kanak-kanak.

### **Alamat untuk dihubungi**

No 27 Jalan Botani 4,  
Taman Botani,  
31250 Ipoh, Perak  
No telefon : 012-5576321  
E-mel : [nadia.hanim@gmail.com](mailto:nadia.hanim@gmail.com)

### **Individu Rujukan**

Profesor Khairil Benjamin Bin Ahmad  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pendidikan Awal Kanak-kanak  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak.

198 perkataan

## Latihan 1

### Soalan 1 : Karangan bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit sahaja]

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong.*

*Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan **satu** pekerjaan yang anda minati.*

*Panjangnya resume anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

JOBSSHUB.INFO




**PEMBANTU TADBIR  
(PERKERANIAN/OPERASI)  
GRED N19**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(SEMENANJUNG)**

**Kekosongan : 196      Simpanan : 2000**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA)**



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU**  
Tingkat 7, Wisma Negeri, 20200 Kuala Terengganu.  
No. Tel : 09-627 4146  
No. Faks : 09-622 3906  
E-mel : [spn@terengganu.gov.my](mailto:spn@terengganu.gov.my)  
Laman Web : <http://spn.terengganu.gov.my>

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkeelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:

**IKLAN 1/2019 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF
1.	PENOLONG JURUTERA	JA29	TETAP
2.	PELUKIS PELAN	JA19	TETAP
3.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)	N19	TETAP

Syarat- syarat dan keterangan lanjut mengenai jawatan seperti di atas boleh dirujuk kepada iklan penuh jawatan kosong di:

- Portal <http://spn.terengganu.gov.my>; atau
- Papan Kenyataan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu; atau
- Papan Kenyataan pejabat-pejabat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

Tarikh Tutup Permohonan: **2 JUN 2019 (AHAD)**

**LAMAN WEB : <http://spn.terengganu.gov.my>**  
 : Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu

**Setiasaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri,  
Terengganu.**

Tarikh : 20 MEI 2019 (ISNIN)

**Contoh jawapan pelajar 1****Permohonan Sebagai Pembantu Tadbir  
(Perkeranian/ Operasi)****Nama**

Hazerin Qistina Binti Ahmad Syukri

**Kelulusan**

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

**Anugerah**

Saya pernah mendapat Anugerah Kecemerlangan Akademik dalam subjek bahasa Melayu semasa di tingkatan empat dan lima. Di samping itu, semasa saya berada di tingkatan lima, saya juga pernah dianugerahkan sebagai Olahragawati. Pencapaian saya dalam bidang kokurikulum sangat membanggakan terutamanya dalam acara olahraga.

**Kemahiran Teknologi Maklumat**

Saya mempunyai kemahiran menggunakan perisian Power Point dan Microsoft Word. Selain itu, saya turut mahir dalam penggunaan Canva dan Inshot. Manakala untuk Ipad, saya mahir dalam penggunaan Keynote, Pages dan juga iMovie.

**Kemahiran Bahasa**

Saya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik dan lancar. Saya juga fasih dalam berbahasa Mandarin.

**Kemahiran Tambahan**

Saya mempunyai kemahiran bermain alat muzik tradisional seperti bonang dan saron. Saya juga mahir dalam pengucapan awam dan menulis skrip drama. Kemahiran tambahan yang lain pula ialah saya berkebolehan dalam seni tarian melayu seperti Zapin dan Inang.

**Potensi Diri**

Saya seorang yang sangat berdisiplin terutamanya dalam menepati masa kerana masa itu emas. Di samping itu, saya suka akan cabaran baharu kerana melalui cara ini dapat mengajar saya pengalaman dan kematangan dalam kehidupan. Saya juga sentiasa bersedia menerima tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu tugas. Melalui keupayaan dan kelebihan diri ini sudah pasti menjadikan saya lebih berkeyakinan.

**Alamat untuk dihubungi**

No 47 Jalan Mawar,  
Kampung Sungai Rokam,  
31350 Ipoh Perak  
No telefon : 019-2406125  
Alamat e-mel : [haz\\_erin@yahoo.com](mailto:haz_erin@yahoo.com)

**Individu Rujukan**

Puan Saleha Binti Haji Anuar  
Guru Bahasa Melayu  
SMK Kuning Sari, Taiping  
Perak Darul Ridzuan.

\*\*\* Walau bagaimanapun untuk kemahiran tambahan bagi contoh jawapan pelajar 1 ini adalah **tidak sesuai** dengan jawatan yang dipohon.

Asal :

**Kemahiran Tambahan**

Saya mempunyai kemahiran bermain alat muzik tradisional seperti bonang dan saron. Saya juga mahir dalam pengucapan awam dan menulis skrip drama. Kemahiran tambahan yang lain pula ialah saya berkebolehan dalam seni tarian melayu seperti Zapin dan Inang.

**Kemahiran Tambahan**

Saya mempunyai kemahiran dan pengetahuan mendalam tentang pentadbiran pejabat seperti mengemas kini data dan maklumat. Saya bijak dalam menguruskan sistem menyimpan fail dengan baik dan kemas, Di samping itu, saya juga mempunyai kemahiran asas perakaunan.

Keadaan ini sudah pasti akan memberikan kesan pemarkahan kepada pelajar. Oleh itu, pelajar perlu menganalisis terlebih dahulu keperluan isi yang hendak ditulis dalam resume ini mengikut jawatan yang hendak dipohon.

**Contoh jawapan pelajar yang ke-2****Permohonan Sebagai Penolong Jurutera****Nama**

Mohamad Darwis bin Abdul Halim

**Kelulusan**

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Universiti Teknologi Mara)

**Anugerah**

Saya pernah mendapat Anugerah Pelajar Cemerlang semasa belajar di Kolej Vokasional Shah Alam. Selain itu, saya turut dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik bagi subjek bahasa Melayu dan Lukisan Kejuruteraan ketika belajar di kolej berkenaan. Saya juga aktif dalam mewakili sekolah dan universiti dalam sukan bola keranjang dan olahraga.

**Kemahiran Teknologi Maklumat**

Saya mahir dalam perisian-perisian Microsoft Office seperti Word, Excel dan Power Point. Di samping itu, saya juga mahir dalam mengendalikan perisian grafik dan melukis plan dengan menggunakan lukisan bantu komputer atau AutoCAD.

**Kemahiran Bahasa**

Saya boleh bertutur dalam empat bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Korea.

**Kemahiran Tambahan**

Saya mempunyai kemahiran dalam membaiki peralatan elektronik yang rosak seperti pendingin hawa, radio dan komputer. Saya juga pernah mencipta aplikasi permainan dalam komputer. Selain itu, minat yang mendalam dalam bidang fotografi turut menjadikan saya mahir dalam penggunaan kamera digital dan mencipta grafik multimedia.

**Potensi Diri**

Saya mempunyai motivasi yang tinggi dalam setiap tugas yang dilakukan. Matlamat saya adalah untuk menjadi seorang jurutera yang hebat pada masa hadapan dan kerana itu saya suka akan cabaran. Di samping itu, saya sangat mementingkan disiplin dalam menguruskan masa.

**Alamat Untuk Dihubungi**

No. 321-B Blok C  
Kondominium Saujana  
47600 Kuala Lumpur  
No telefon : 011- 21534275  
Alamat e-mel : dArwish1116@gmail.com

**Individu Rujukan**

Profesor Abdul Latiff bin Zabidi  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Teknologi Mara  
Shah Alam, Selangor.

## 2.2 Resume Menyertai Program Pendidikan Peringkat Antarabangsa

Contoh yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan 4 (muka surat 34)



**Aktiviti**

- Bersol jawab tentang keistimewaan diri yang perlu dimiliki untuk memohon program budaya peringkat antarabangsa.
- Simulasikan gaya berpakaian, berjalan, dan duduk yang betul semasa sesi temu duga dan nilaikan.



**Hias Peribadi, Yakini Diri**

Nur Ain Sofia bercadang untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa. Resume yang sesuai perlu disediakan untuk memohon program tersebut.

**TEMA 3**

Mermetik Bintang

**Nur Ain Sofia binti Kamarul Azmi**



**Anugerah**

- Tokoh Pemimpin Muda semasa Kem Kepimpinan Pengawas Peringkat Negeri.
- Johan Pertandingan Tarian Zapin Peringkat Daerah.
- Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah.
- Tokoh Ko kurikulum Sekolah.

**Kemahiran Teknologi Maklumat**

- Mahir menggunakan perisian *Microsoft Office*.
- Mampu menghasilkan video kreatif.
- Menguasai kemahiran reka bentuk grafik.

**Kemahiran Bahasa**

Bahasa Melayu \*\*\*\*\*  
Bahasa Inggeris \*\*\*\*  
Bahasa Jepun \*\*\*

**Alamat untuk dihubungi:**  
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang,  
Jalan Gemilang 7, Taman Jaya,  
25000 Kuantan, Pahang.  
No. Telefon: 019-123456789  
E-mel: nurainsofiakamarul@zmail.com

**Potensi Diri**

- Mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan.
- Boleh berkomunikasi dengan semua lapisan masyarakat.
- Bersedia melakukan tugas sebagai sukarelawan.
- Bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin.
- Jujur dan boleh dipercayai.
- Sedia menerima cabaran untuk melakukan tugas yang sukar.
- Boleh memotivasikan diri dan bekerja di bawah tekanan.

**Kemahiran Tambahan**

- Mahir bermain beberapa jenis alat muzik moden dan tradisional.
- Mahir seni tarian zapin.
- Berkebolehan dalam pengucaapan awam.

**Rujukan:**  
Cik Nur Damia binti Halim  
Guru Tingkatan 4 Supernova  
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Cemerlang.  
No. Telefon: 012-123456789



\*\*\* Pelajar dikehendaki menulis resume tentang keistimewaan diri sendiri untuk permohonan menyertai program budaya peringkat antarabangsa.

**KANDUNGAN RESUME UNTUK PERMOHONAN MENYERTAI PROGRAM  
PERINGKAT ANTARABANGSA****1. MAKLUMAT PERIBADI ( NAMA PEMOHON )****2. ANUGERAH (YANG DIPEROLEH SEMASA DI PERINGKAT SEKOLAH)****3. KEMAHIRAN**

- **TEKNOLOGI MAKLUMAT,**
- **BAHASA**
- **DAN TAMBAHAN**

**4. POTENSI DIRI PEMOHON****5. ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI TERMASUK NOMBOR TELEFON DAN  
ALAMAT E-MEL****6. INDIVIDU RUJUKAN (YANG MENGENALI DIRI PEMOHON)**

## Contoh jawapan pelajar 1:

# Iwana Afiqah binti Zulhisham



## Anugerah

Saya telah dianugerahkan sebagai Tokoh Pemimpin Muda semasa Kem Kepimpinan Pengawas Peringkat Negeri. Seterusnya, saya telah merangkul Johan bagi Pertandingan Tarian Zapin Peringkat Daerah. Selanjutnya, saya juga telah memperoleh Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah serta dinobatkan sebagai Tokoh Kokurikulum Sekolah.

## Kemahiran Teknologi Maklumat

Saya mahir dalam menggunakan perisian Microsoft Office bagi menyiapkan setiap urusan yang diberikan. Seterusnya, saya juga tangkas menghasilkan video kreatif menggunakan aplikasi iMovie dan CapCut. Selanjutnya, saya juga menguasai kemahiran reka bentuk grafik.

## Alamat untuk dihubungi

Anda boleh menghubungi saya melalui e-mel berikut, iwanaafiqah17@gmail.com atau melalui nombor telefon 012-2233445

## Potensi Diri

Saya merupakan seorang yang mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan. Seterusnya, saya juga boleh berkomunikasi dengan semua lapisan masyarakat. Selanjutnya, saya bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin. Tambahan itu, saya seorang yang jujur, boleh dipercayai dan sedia menerima cabaran untuk melakukan tugas yang sukar serta boleh memotivasikan diri apabila bekerja di bawah tekanan.

## Kemahiran Tambahan

Saya mahir bermain beberapa jenis alat muzik moden dan tradisional seperti kompang, seruling dan gitar. Seterusnya, saya mahir dalam seni tarian zapin dan berkebolehan dalam pengucapan awam. Hal ini dapat membuktikan bahawa saya amat mempunyai bakat yang hebat.

## Kemahiran Bahasa

Saya amat petah bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain itu, saya turut memiliki asas yang kukuh dalam bahasa Jepun.

## Rujukan

Puan Sharina binti Adenan,  
Guru Bahasa Melayu MRSM Taiping,  
Taiping, Perak.

-194 patah perkataan-

## Contoh jawapan pelajar 2:

**Hiasi Peribadi , Yakini Diri**

Nurin Irdina bercadang untuk menyertai program budaya peringkat antarabangsa. Resume yang sesuai perlu disediakan untuk memohon program tersebut.

**NURIN IRDINA BINTI  
MOHD NOOR****Anugerah**

Saya telah dianugerahkan sebagai Tokoh Pemimpin Muda semasa Kem Kepimpinan Pengawas Peringkat Negeri . Seterusnya , saya telah mengikuti Tarian Zapin Peringkat Daerah . Selain itu , saya juga telah memperoleh Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah serta dinobatkan sebagai Tokoh Kokurikulum Sekolah .

**Kemahiran Teknologi Maklumat**

Saya mahir dalam menggunakan peisian Microsoft Office bagi menyiapkan segala tugas yang diberikan . Seterusnya saya juga tangkas ,menghasilkan video kreatif menggunakan aplikasi iMovie .

**Alamat untuk dihubungi**

Anda boleh hubungi saya melalui e-mel berikut . nnnirdina@gmail.com atau melalui nombor telefon 011-2443801

**Potensi Diri**

Saya merupakan seorang yang mesra dan mudah bekerjasama dalam kumpulan. Selain itu , saya mahir dalam berkomunikasi dan mudah bergaul dengan orang lain . Di samping itu , saya seorang yang amanah dalam melakukan dalam melaksanakan segala urusan . Saya juga bersedia menerima cabaran dalam bekerja

**Kemahiran Tambahan**

Saya mahir dalam bermain beberapa jenis alat musik moden dan tradisional seperti kompang , gitar dan lain-lain . Seterusnya , saya mahir dalam seni tarian zapin dan berkebolehan dalam pengucapan awam.

**Kemahiran Bahasa**

Saya amat petah bertutur dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu ,saya juga mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Mandarin .

**Rujukan**

Puan Sharina Binti Adenan ,  
Guru Bahasa Melayu MRSM Taiping ,  
Taiping , Perak .

203 patah perkataan

**AKTIVITI PENGUKUHAN PELAJAR****Soalan 1 : Karangan bahagian A**

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit sahaja]

*Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan program budaya peringkat antarabangsa..*

*Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan **resume diri anda** yang lengkap bagi permohonan **satu** program budaya yang anda minati.*

*Panjangnya resume anda hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.*

**Bahan 1**

**SENI MUZIK  
ANTARABANGSA**

PROGRAM UNTUK PELAJAR-  
PELJAR SEKOLAH

**KEMBANGKAN BAKAT  
DAN MINAT ANDA  
DALAM BIDANG MUZIK  
DI PERINGKAT  
ANTARABANGSA**

BERMINAT SILA HUBUNGI : 03-25567678

**Bahan 2**

SENI DAN BUDAYA ASEAN

*program  
pertukaran pelajar  
antarabangsa*

2 FEBRUARI 2022 HINGGA 19 FEBRUARI 2022

ANJURAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
JIKA ANDA BERMINAT SILA LAYARI LAMAN SESAWANG  
RASMI [WWW.KPM.GOV.MY](http://WWW.KPM.GOV.MY)

